



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KAJIAN BAB 2

PERSOALAN ETIKA -

BAGAIMANA UNTUK MENCAPAI KESEJAHTERAAN HIDUP?

SUBJEK : FALSAFAH DAN ISU SEMASA (UHS1022)

PROGRAM: KEJURUTERAAN DATA (SECP)

SEKSYEN : 73

SEMESTER 1, 2020/2021

DISERAHKAN KEPADA : DR ABDUL HALIM

NAMA	NO MATRIK	NO TELEFON
MYZA NAZIFA BINTI NAZRY	A20EC0219	010-980 2910
RADIN DAFINA BINTI RADIN ZULKARNAIN	A20EC0135	010-406 9891
NUR IZZAH MARDHIAH BINTI RASHIDI	A20EC0116	012-924 0124
AMIRAH RAIHANAH BINTI ABDUL RAHIM	A20EC0182	019- 277 1545

Isi Kandungan

Definisi Etika	3
Definisi Kesejahteraan Hidup	4
Pencapaian Kesejahteraan Hidup dari Segi Sains	5
Kesejahteraan Hidup dan Sains : Apakah kaitannya?	5
Pencapaian Kesejahteraan Hidup dari Segi Agama	8
Pencapaian Kesejahteraan Hidup dari Segi Falsafah	12
Falsafah dan Kesejahteraan Hidup : Apakah kaitannya?	13
Kebaikan Falsafah Dalam Mencapai Kesejahteraan Hidup	15
Kesan-kesan terhadap kehidupan yang sejahtera	17
Kesimpulan	19
Rujukan	20

Definisi Etika

Istilah etika berasal dari perkataan Yunani iaitu “ethos” yang membawa erti kebiasaan, adat, akhlak, keperibadian dan watak. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, etika merupakan prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia. Amalan etika merupakan salah satu keperluan dalam konteks kehidupan yang perlu diterapkan dalam kehidupan seseorang individu dan masyarakat. Ilmu etika amatlah meluas dan definisi etika berdasarkan kepada pelbagai latar belakang seperti Barat, India, China dan Arab. Definisi etika berdasarkan perspektif masyarakat adalah panduan dan prinsip-prinsip moral yang dipersetujui dan diterima oleh sesebuah masyarakat. Etika masyarakat ini penting untuk dipatuhi dan diamalkan oleh setiap individu yang berada di dalam masyarakat tersebut.

Definisi Kesejahteraan Hidup

Kesejahteraan hidup merupakan satu konteks yang besar dan definisinya bergantung kepada seseorang individu kerana matlamat, objektif dan tujuan hidup masing-masing adalah berbeza dan bersifat tersendiri. Falsafah hidup membuatkan seseorang tertanya-tanya akan apa yang mahu dicapai sama ada kekayaan semata atau kebahagiaan yang dicari. Oleh itu, sewajarnya setiap manusia mempunyai objektif dan falsafah hidup yang tersendiri untuk dipegang supaya hidup dalam keadaan yang teratur dan mempunyai masa hadapan yang cerah bagi mencapai kesejahteraan dalam hidup.

Hal ini perlu dititikberatkan kerana terlalu banyak implikasi dan contoh sedia ada yang boleh kita kupas jika individu tidak mempunyai falsafah atau pegangan hidup. Secara umumnya, jika seseorang mempunyai falsafah tanpa usaha dalam mencapai falsafahnya, maka tiada gunalah falsafah itu. Misalnya, jika seseorang berhasrat untuk berubah untuk menjadi lebih baik tetapi tidak berusaha untuk memperbaiki dirinya dan keluar dari kepompongnya, maka tiada guna hasrat itu. Situasi di atas merupakan gambaran jelas tentang bagaimana falsafah memainkan peranan dalam hidup seseorang. Pencapaian kesejahteraan hidup ini telah diperketengahkan oleh ahli falsafah Aristotle di zaman pra-socrates. Beliau telah memperkenalkan kaedah berfikir terhadap sesuatu Hakikat Tertinggi iaitu realiti bagi membenarkan seseorang itu mencapai kesejahteraan hidup.


Prinsip di atas amat menekankan supaya kita hidup dengan berpijak di bumi yang nyata bukanlah angan-angan semata-mata, ianya tidak salah tetapi jika terlalu banyak berangan tanpa meletakkan usaha, maka angan-angan itu hanya sia-sia. Tambahan pula, Aristotle bukan sahaja menekankan kebahagiaan mental tetapi keperluan fizikal juga diambil kira. Antara empat keperluan mental yang digariskan adalah kebaikan biologi seperti makanan dan minuman. Seterusnya, pakaian dan tempat tinggal yang selesa. Yang ketiga, kebaikan roh manusia seperti keinginan untuk bertanya, menyoal dan berfikir secara rasional. Akhir sekali, keperluan luaran seperti kekayaan. Tidak lupa juga kepada tanggungjawab manusia kepada Sang Pencipta.

Pencapaian Kesejahteraan Hidup dari Segi Sains

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, sains ditakrifkan sebagai ilmu pengetahuan yang teratur dan dapat dibuktikan kebenarannya. Ilmu sains adalah sangat luas. Oleh itu, sains telah dibahagikan kepada beberapa cabang seperti biologi, kimia, fizik, perubatan, astronomi, geologi dan sebagainya. Hampir setiap hari, para ahli ilmunan sains menjumpai penemuan saintifik baharu. Hal ini menunjukkan bahawa kita sekarang berada dalam era di mana perkembangan ilmu sains dan teknologi adalah sangat pesat. Penemuan-penemuan baharu dari perspektif sains ini telah memberikan banyak impak lebih-lebih lagi dalam membantu manusia mencapai kesejahteraan hidup mereka.

Kesejahteraan Hidup dan Sains : Apakah kaitannya?

Dengan mempratikkan ilmu sains, kita berkebolehan untuk mencapai kesejahteraan hidup. Dari perspektif telekomunikasi dan perhubungan, manusia telah berjaya mencipta suatu alat yang memberikan kemudahan kepada manusia untuk berhubung dan berkomunikasi dari jarak jauh, iaitu kabel gentian kaca atau kabel gentian optik. Alat penghubung ini dimanfaatkan dari konsep pemantulan internal total (*Total Internal Reflection*) dari cabang fizik.



Rajah 2 : Kabel Gentian Optik

Kabel gentian optik ini membawa isyarat komunikasi menggunakan denyutan cahaya yang dijana oleh laser kecil atau diod pemancar cahaya (LED). Kabel ini direka untuk rangkaian data

jarak jauh, berprestasi tinggi, dan telekomunikasi. Berbanding dengan kabel berwayar, kabel gentian optik memberikan lebar jalur (*bandwidth*) yang lebih tinggi dan menghantar data pada jarak yang lebih jauh. Kabel gentian optik menyokong sebahagian besar sistem internet, televisyen, dan telefon di dunia.

Selain itu, menerusi cabang perubatan, manusia telah berjaya mencipta sebuah robot yang boleh digunakan untuk membantu dalam menjalankan operasi pembedahan yang rumit dan kompleks seperti pembedahan otak dan saraf kepada pesakit di hospital. Di Malaysia, sesetengah pesakit yang memerlukan pembedahan berasa takut untuk dibedah kerana risiko untuk mengalami kesulitan seperti peninggalan luka pembedahan yang besar dan berlakunya pendarahan yang maksima akibat pembedahan adalah tinggi.



Rajah 3: Pembedahan robotik

Namun, dengan penciptaan robot pembedahan ini, robot mampu untuk meminimumkan kehilangan darah, melaksanakan prosedur dengan lebih tepat, menghindari kerosakan kepada tisu yang sihat dan mengurangkan masa pemulihan selepas pembedahan (Talib, 2017).

Pada masa yang sama, contoh aplikasi lain dalam bidang perubatan ialah kewujudan vaksin dalam memerangi virus Covid-19 dalam badan pesakit. Melalui hasil suntikan vaksin, sistem imuniti badan akan menghasilkan antibodi yang spesifik terhadap virus tersebut. Vaksin ini mampu untuk meningkatkan tahap imuniti badan tanpa menyebabkan jangkitan penyakit sekaligus dapat bertindak ke atas virus Covid-19 sekiranya terdedah kepada virus tersebut.

Di samping itu, dalam cabang kimia, penciptaan baja banyak memberi impak positif kepada tahap kesuburan dan pertumbuhan bahan pertanian. Baja adalah bahan yang mengandungi unsur pemakanan tumbuhan yang diberikan secara langsung kepada tanah bagi pertumbuhan tanaman. Bahan kimia seperti nitrogen, fosforus, potassium dan kalium ini dimanfaatkan untuk pertumbuhan tumbuhan yang optimum. Percampuran bahan-bahan kimia tersebut juga akan menghasilkan campuran baja yang baharu. Bahan-bahan ini dicampur dan disebatikan berdasarkan keperluan nutrien tanaman atau tumbuhan. Sebagai contoh, potassium berfungsi untuk menstimulasi pertumbuhan tisu baharu, pembesaran batang, bunga dan buah dan meningkatkan kemanisan buah. Jika suatu tumbuhan itu kekurangan nutrien potassium, kebarangkalian tumbuhan itu terbantut, kekurangan buah dan bunga adalah lebih tinggi. Ilmu kimia terus dipraktikkan dalam mencari sebatian yang sesuai untuk tumbuhan termasuklah penemuan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang berkongsi ilmu penciptaan baja kompos berdasarkan sisa buangan makanan (Marzuki, 2019). Selain daripada menggalakkan pertumbuhan pokok, baja juga menyediakan tanaman dengan nutrien yang diperlukan untuk tumbuh dan dituai untuk makanan berkhasiat. Baja membantu memberikan makanan yang mencukupi untuk memberi makan penduduk dunia.

Seterusnya, menerusi ilmu bidang kimia, manusia dapat mencipta suatu bahan yang baharu, aloi daripada proses pencairan unsur-unsur sifat logam untuk mencapai produk yang dimahukan. Sebagai contoh, melalui komposisi 99.9% besi dan 0.5% karbon, kita mampu untuk menghasilkan suatu produk yang baharu yang dinamakan sebagai keluli. Penghasilan bahan baharu ini membolehkan kita memanfaatkan sifatnya yang lebih keras dan kuat berbanding besi dan karbon pada awalnya. Oleh yang demikian, keluli telah banyak digunakan dalam pembinaan rumah, jambatan, mesin, kenderaan dan sebagainya.

Akhir kata, ilmu sains mampu untuk membantu manusia dalam mencapai kesejahteraan hidup. Hal ini kerana, dengan penciptaan alat-alat dan bahan yang baru menerusi kuasa teknologi, ia dapat membekalkan kesenangan dan kemudahan kepada manusia dalam menjalankan kehidupan seharian.

Pencapaian Kesejahteraan Hidup dari Segi Agama

Manusia boleh mencapai kesejahteraan hidup melalui pelbagai aspek dan salah satu aspek yang memainkan peranan yang besar dalam pencapaian ini ialah aspek agama. Agama merupakan kepercayaan seseorang individu kepada Tuhan atau kepada sesuatu yang ghaib dan sakti. Agama juga merupakan kepercayaan seseorang terhadap amalan dan institusi yang berhubung kait dengan kepercayaan tersebut. Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum di mana pelbagai jenis agama telah dianuti oleh setiap rakyat Malaysia seperti agama Islam, agama Kristian, agama Buddha dan lain-lain. Walaupun terdapat banyak agama yang dianuti oleh rakyat Malaysia tetapi agama Islam merupakan agama rasmi negara Malaysia maka perbincangan mencapai kehidupan kesejahteraan melalui aspek agama akan dibincang melalui aspek agama Islam.

Terdapat banyak perbincangan dan pembentangan yang telah diadakan oleh falsafah-falsafah Islam dahulu mengenai topik ini dan berdasarkan perbincangan tersebut, ulama-ulama Islam telah membahagikan cara mencapai kesejahteraan hidup kepada enam kategori iaitu pembangunan ilmu, pembangunan akidah, pembangunan ibadah, pembangunan anggota tujuh, pembangunan rohani dan akhlak dan pembangunan adab sosial. Dalam aspek pembangunan ilmu, ilmu merupakan benda yang asas yang penting yang harus dimiliki oleh setiap manusia dan pembangunan ilmu merupakan perkara teras yang akan menimbulkan ketakwaan kepada Allah SWT. Penguasaan ilmu seseorang individu harus meliputi ilmu fardu ain di mana ia menerangkan cara manusia untuk mengurus diri mereka dalam hubungan mereka dengan Allah SWT dan ilmu fardu kifayah di mana ia menerangkan cara manusia mengurus kehidupan mereka sendiri di dunia ini secara individu dan secara kolektif kerana dengan menguasai kedua-dua ilmu itu, manusia boleh menjadi khalifah yang berguna. Dengan menggunakan kedua-dua ilmu itu sebagai panduan hidup, manusia boleh menjalankan kehidupan mereka dengan lebih baik dan mendapat ganjaran hidup di dunia dan di akhirat nanti. Setiap manusia hendaklah mendalami ilmu pengetahuan dalam semua bidang bagi mencapai pembentukan kehidupan yang sejahtera di dunia dan di akhirat namun ilmu asas haruslah didahulukan berbanding ilmu-ilmu yang lain. Konsep kedua ilmu fardu ain dan ilmu fardu

kifayah haruslah dihayati dan difahami dengan betul kerana kesepaduan kedua-dua konsep ilmu ini akan melahirkan seorang insan yang sedar akan kepentingan menjaga hubungan mereka dengan Allah SWT tanpa melupakan akan tanggungjawab mereka dengan manusia dan alam sekitar. Tambahan pula, pembentukan nilai dan adab dalam diri seseorang insan juga penting untuk menghasilkan kualiti insan yang terbaik. Contoh insan yang mempunyai adab yang baik ialah insan yang mempunyai hubungan baik dan sentiasa menjaga kesejahteraan hubungan mereka dengan keluarga, rakan, guru dan orang sekeliling mereka.

Selain itu, dalam pembangunan akidah, perkara yang pertama dalam membangunkan keimanan seseorang insan ialah dengan memahami dasar rukun iman seperti sifat-sifat ketuhanan, kenabian dan hakikat-hakikat ghaib. Dengan mengenali sifat-sifat ketuhanan yang merangkumi sifat wajib, mustahil dan harus, kita boleh menjadikan sifat-sifat tersebut sebagai pegangan dalam semua aspek dalam kehidupan kita dan keyakinan seseorang insan akan kekuasaan Allah SWT akan menjadi lebih kukuh. Dalam konteks pembangunan insan dari perspektif pembangunan akidah, keimanan seseorang individu terhadap perkara yang ghaib memainkan peranan yang besar dalam membina dan membangunkan pandangan hidup, sikap, cara pemikiran dan tindakan seseorang. Orang yang beriman kepada hari akhirat akan mengelakkan diri mereka daripada melakukan maksiat dan perkara yang terlarang dalam agama Islam. Oleh itu, ketakwaan dan ketaatan insan tersebut akan membuat mereka sentiasa mematuhi syariat Islam dan ini akan membawa kehidupan mereka menuju kesejahteraan. Dengan ini, individu yang melakukan kebaikan dan menjauhi kejahatan akan mendapat ganjaran hidup di dunia dan di akhirat nanti.

Di samping itu, pembangunan akidah tidak terhad kepada pengertian tauhid sahaja tetapi ia juga perlu dipraktikkan dengan program amal ibadah dan ritual agama supaya sikap positif boleh ditanam dalam diri dan masyarakat. Pembangunan akidah merupakan satu bentuk pengabdian diri seseorang insan terhadap Allah SWT dan juga melahirkan kekuatan iman dan takwa terhadap Allah SWT. Dalam perbincangan ulama Islam, ibadah boleh dibahagikan kepada dua iaitu ibadah fardu dan ibadah sunat. Dengan menghayati dan mengikuti adab yang telah ditetapkan bagi melaksanakan ibadah fardu dan ibadah sunat, ibadah fardu boleh membangunkan kerohanian manusia manakala ibadah sunat dapat meningkatkan keadaan kerohanian dan

kesejahteraan jiwa seseorang insan. Antara ibadah yang boleh dilakukan oleh seseorang insan ialah bersolat, berpuasa, membaca Al-Quran, berzikir dan lain-lain yang boleh membangunkan dan memurnikan akhlak dan kerohanian seseorang insan.

Seterusnya, dalam konteks pembangunan anggota tujuh, setiap manusia telah dianugerahkan dengan tujuh anggota badan iaitu mata, telinga, lidah, tangan, kaki, perut dan kemaluan dan setiap insan diberi tanggungjawab untuk memelihara anggota badan tersebut daripada melakukan dosa dan maksiat. Manusia perlu menjaga anggota tujuh ini dengan baik kerana dosa yang dilakukan melalui anggota tujuh ini akan memberi impak negatif terhadap kesejahteraan dan kedamaian hidup serta akan mengganggu pembangunan spiritual seperti pembangunan akidah, rohani, ibadah, akhlak dan lain-lain. Tambahan pula, sekiranya seseorang individu memahami dan menghayati semua larangan yang telah disyariatkan dalam agama Islam terhadap tujuh anggota badan tersebut, mereka dapat menghindari diri mereka daripada melakukan dosa dan juga menghindari diri dan jiwa daripada perkara dan kejadian yang berbahaya. Antara larangan yang telah disyariatkan kepada ketujuh anggota itu ialah mengumpat, bercakap bohong, mencuri, minum arak, membunuh dan lain-lain. Dengan ini, penekanan pembangunan anggota tujuh ini boleh menjadi panduan dalam usaha menegakkan prinsip melakukan yang baik dan melarang yang salah dan ini akan membantu dalam mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian hidup seseorang insan.

Dalam pembangunan rohani dan akhlak, ia boleh dikategorikan kepada dua bentuk pembangunan iaitu pembangunan akhlak sesama insan di mana ia berkait dengan kesejahteraan hati seseorang insan yang terbukti melalui perbuatan dan aksi mereka dan pembangunan akhlak dengan Allah SWT di mana ia berkait dengan pembinaan sifat-sifat mulia Allah SWT yang telah ditanam dalam diri. Berdasarkan Al-Falimbani, kesejahteraan dan kerohanian seseorang insan boleh diperbaiki dan ditingkatkan melalui dua tahap iaitu mengosongkan diri daripada segala sifat jahat, keji dan maksiat dalam diri masing-masing dan berusaha untuk mengisi diri dengan sifat-sifat yang baik dan beristiqamah dengannya. Dengan melakukan kedua tahap tersebut, individu yang berspiritual baik dan berakhlak tinggi boleh dibangunkan.

Akhir sekali, adab merupakan cermin isi rohani seseorang individu. Kita boleh melihat akhlak dan keluhuran budi seseorang melalui adab dan tingkah laku mereka. Oleh sebab itu, pembangunan adab sosial amat dititikberatkan dalam pencapaian kesejahteraan hidup. Dalam konteks ini, terdapat lima tahap aturan adab iaitu adab berhubungan dengan Allah SWT, adab berinteraksi dengan keluarga, adab dalam pendidikan, adab sesama rakan dan adab terhadap masyarakat. Adab yang paling utama ialah adab terhadap Allah SWT yang meliputi beberapa sifat ketaatan seperti khusyuk, istiqamah, tawakal dan lain-lain. Antara adab terhadap Allah yang harus dilakukan oleh manusia ialah bersikap segera dalam melaksanakan ibadah dan meninggalkan larangan-Nya seperti melaksanakan solat tepat pada waktunya dan tidak melambatkan solat. Setiap insan hendaklah mementingkan Allah SWT dalam semua perkara dan juga tidak mengharap Allah SWT untuk memakbulkan semua keinginan dan hajat kita. Dari perspektif adab dengan keluarga pula merangkumi cara berkomunikasi, layanan dan kehormatan kita terhadap kedua ibu bapa kita. Adab yang harus dilakukan oleh anak terhadap kedua ibu bapa ialah mendengar dan mentaati nasihat ibu bapa, tidak bercakap kasar dan tidak meninggikan suara apabila bercakap dengan kedua ibu bapa serta menyayangi dan menghormati mereka. Kesejahteraan rumah tangga boleh membentuk masyarakat dan negara yang berjaya. Bagi aspek adab dengan rakan pula, aspek ini meliputi saudara-mara, rakan dan jiran. Pembangunan adab dengan rakan memainkan peranan yang besar dalam pembentukan hubungan sosial yang sejahtera antara satu sama yang lain. Setiap insan haruslah menanamkan sifat kasih sayang, amanah serta hormat terhadap rakan dalam diri masing-masing supaya pergaduhan tidak akan berlaku dan hubungan yang harmoni boleh dibentuk. Contoh adab terhadap rakan yang boleh dilakukan ialah membantu rakan ketika mereka dalam kesusahan, mendoakan kebaikan untuk mereka dan menutup keaiban mereka. Dengan memelihara kesejahteraan hubungan kita dalam kelima-lima tahap aturan adab tersebut yang patut diamalkan oleh setiap insan, masyarakat yang harmoni boleh dibentuk dan setiap individu boleh mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Pencapaian Kesejahteraan Hidup dari Segi Falsafah

Kesejahteraan hidup dan falsafah sudah terang lagi jelas bahawa ianya adalah dua perkara yang berbeza dari segi definisi, konsep dan takrifan. Apakah yang dimaksudkan dengan kesejahteraan hidup? Kesejahteraan hidup boleh ditakrifkan sebagai pencapaian tahap dalam hidup seseorang di mana individu tersebut sudah berpuas hati akan kejayaan yang diraih, hidup dalam keadaan selesa dan segala aspek dalam hidupnya memadai sama ada dari segi keperluan hidup, pelajaran dan agama. Tambahan pula, kesejahteraan hidup bagi setiap individu adalah berlainan mengikut diri masing-masing. Contoh yang boleh kita lihat adalah seseorang mungkin sangat mementingkan sikap materialistik di mana semua barang yang dibeli perlulah mahal dan jenama yang terkemuka manakala individu B pula tidak bersikap materialistik dan sentiasa beserdahana. Di zaman moden kini, terlalu ramai yang tidak memahami konsep kehidupan sehingga mereka menjadikan kekayaan itu satu kewajipan. Seterusnya, falsafah pula mempunyai banyak definisi dan salah satunya adalah petikan dari Dewan Bahasa dan Pustaka, di mana falsafah bermaksud pengetahuan dan penyelidikan tentang sebab-sebab kewujudan sesuatu atau tentang kebenaran dan erti kewujudan sesuatu. Walaupun kedua-dua perkara ini berbeza, namun mereka berkait rapat sehinggakan jikalau tiada falsafah dalam hidup, maka kesejahteraan dalam hidup tidak boleh dicapai.

Falsafah dan Kesejahteraan Hidup : Apakah kaitannya?

Sebelum melihat hubungan antara dua ini, kita perlu melihat pendapat dan pemikiran para falsafah dahulu dan sejarah yang berkait sebagai bukti. Menurut sejarah, terdapat dua aliran pemikiran, iaitu sebelum Socrates dan pemikiran selepas Socrates. Siapakah Socrates? Socrates adalah seorang ahli falsafah kelahiran Athena yang berketurunan bangsawan dan berkedudukan tinggi. Beliau juga merupakan seorang guru kepada Plato dan Aristoteles. Beliau adalah seorang yang sangat bijak dan berpengaruh. Berbalik kepada isu pemikiran, pemikiran sebelum Socrates diasaskan oleh beberapa orang iaitu Thales (625-545SM), Phytagoras (580SM) , Parmenides (540SM) dan lebih ramai lagi. Ketika ini, mereka memegang kepercayaan bahawa kesemua kejadian atau segala yang wujud adalah dari alam lahir yang juga dikaitkan dengan dewa-dewi atau segala tuhan-tuhan yang lain. Seterusnya, pemikiran ini berubah apabila Socrates semakin berpengaruh dan diturunkan kepada Plato dan Aristotle.

Ketika ini, Socrates tidak menekankan aspek alam malah beliau berpendapat bahawa alam tidak berinteraksi dengan manusia. Beliau lebih berfokus kepada pusat penelitian di mana beliau mengambil pendekatan untuk mengumpul maklumat tentang isu etika, psikologi, kesihatan dan ilmu pengetahuan yang lebih terperinci terhadap kehidupan manusia. Disamping itu, Socrates juga menggunakan teknik pengumpulan maklumat secara berdialog iaitu dengan menebal orang-orang yang tertentu supaya dapat mengkaji, meneliti dan memahami tingkah laku manusia yang bermacam ragam dan perangai. Melalui kajian ini, beliau dapat meraih pemerhatian tentang bagaimana kaitan kehidupan seseorang dan pengetahuan seseorang. Seterusnya, Plato meneruskan cara pemikiran ini dalam rancangannya untuk menubuhkan sebuah masyarakat dan negara yang terbaik. Menurut tulisannya, *The Republic*, ramai ahli bijaksana dan falsafah yang lain bersetuju akan strategi Plato dan menggelarnya pemimpin ideal. Terdapat ramai lagi ahli falsafah yang mementingkan dan mengkaji aspek kehidupan seperti Aristotle iaitu tokoh dari Greek dan tokoh islam terunggul iaitu Ibnu Sina.

Dengan adanya bukti sejarah yang menunjukkan bahawa aspek falsafah dan kehidupan sudah dikaji dan dikaitkan dari dahulu lagi, ternyata falsafah merupakan satu cabang ilmu yang

membahas tentang aspek permasalahan hidup manusia hari-hari (Konrad 2017 : 16). Kajian yang dilakukan oleh falsafah dahulu sangat bermakna dan menjadi asas kepada kehidupan manusia kini yang mempunyai pelbagai arus pemikiran dan pendapat yang tersendiri. Setiap individu mempunyai falsafah hidup yang tersendiri dan ia berkisar tentang cara berfikir, situasi, karakter dan latar belakang pendidikan seseorang. Kesemua aspek ini sudah disentuh oleh falsafah dan kesemua individu perlulah mempunyai falsafah supaya hidupnya mempunyai matlamat seterusnya dapat mencapai kesejahteraan hidup.

Satu bukti yang boleh dipetik dari Jurnal Karya Idris Zakaria dan Ahmad Sunawari Long, terdapat sebuah keluarga Melayu di Pahang yang mempunyai sepasang anak kembar. Anak kembar ini kedua-duanya meraih keputusan yang sangat cemerlang dalam SPM iaitu Muhamad Farid Farhan mendapat 11 A1, manakala Muhamad Fariz Fikri mendapat 10 A1. Pihak Utusan Malaysia, 14 Mac 2009 telah menemui bual bapanya, Sahime tentang pendekatan dan falsafah yang diajar kepada anak-anak dan jawapan beliau adalah beliau menekankan falsafah yang dikenalkan oleh Conficius. Falsafah ini menyatakan bahawa kita boleh mengenal anak kita sejak umur tiga tahun lagi dan beliau menggunakan falsafah tersebut untuk mendidik anak-anaknya. Confucius merupakan ahli falsafah Cina yang membincangkan pembangunan insan.

\

Kebaikan Falsafah Dalam Mencapai Kesejahteraan Hidup

Jika seseorang mempunyai matlamat dan falsafah hidup yang tepat, maka kesejahteraan mudah untuk dicapai. Ramai yang tidak sedar bahawa menerapkan falsafah dalam kehidupan mendatangkan banyak kebaikan dan faedah. Pertamanya dari segi individu, falsafah dapat membantu individu untuk mencapai jawapan dari persoalan kerana perasaan ingin tahu telah mendorong individu untuk bersemangat mencari jawapan. Seterusnya, falsafah dapat membentuk dan membina kemahiran berfikir yang betul dan sejahtera. Perkara ini akan mendorong individu untuk berfikir dengan lebih tajam selanjutnya mencapai kata putus yang tepat. Tambahan pula, falsafah juga dapat membantu individu menyelesaikan masalah kehidupan dengan tindakan yang bijak dan bernas kerana mempunyai pegangan hidup yang tetap. Selain itu, falsafah juga dapat melahirkan individu yang mempunyai tahap kematangan pemikiran yang tinggi kerana mereka telah banyak berusaha mencari jawapan dalam menyelesaikan masalah hidup. Bak kata pepatah, jauh perjalanan luas pemandangan. Falsafah juga dapat mendorong individu dalam mencapai matlamat yang dimahukan dan dihajati sama ada kejayaan, kekayaan, keabadian kepada tuhan dan sebagainya. Akhir sekali, falsafah telah mengajar individu untuk terus maju ke hadapan dengan mempelajari dari kesilapan yang lalu dengan adanya contoh-contoh sejarah dan keperibadian tokoh yang patut dicontohi.

Natijahnya, jelaslah bahawa falsafah mempunyai kaitan yang sangat rapat dalam mencapai hidup yang sejahtera, bermatlamat dan bahagia. Secara tidak langsung, dengan adanya falsafah keperibadian seseorang terbentuk. Sebagai contoh, falsafah etika dan moral yang menjadi panduan kita dalam membentuk diri untuk menjadi insan yang cemerlang bukan sahaja dari segi pelajaran tapi dari segi sahsiah juga. Dengan adanya falsafah hidup, individu akan jauh dari perkara yang buruk dan sia-sia kerana mereka tahu mereka ada pegangan hidup yang patut dipatuhi. Jika setiap lapisan masyarakat sedar betapa pentingnya falsafah dalam kehidupan, tentulah kita boleh hidup dalam keadaan yang aman. Tiada perbalahan, penipuan, jenayah, fitnah dan rasuah dalam kehidupan. Dengan ini, penerapan falsafah dalam hidup boleh dijadikan sebagai kewajipan bagi individu kerana falsafah meliputi perkara yang baik-baik sahaja

berkisarkan pendapat dari tokoh agama dan tokoh ilmuwan yang bijaksana. Tanpa falsafah, sukar untuk kita mencapai kehidupan yang sejahtera.

Kesan-kesan terhadap kehidupan yang sejahtera

Apabila seseorang individu berjaya menerapkan kehidupan yang sejahtera dalam kehidupan hariannya, banyak faedah dan impak yang mampu dicapai yang juga boleh memberi kesan positif terhadap individu itu sendiri mahupun masyarakat disekelilingnya. Kehidupan yang sejahtera jelas akan membentuk cara kita berfikir terhadap sesuatu perkara ke arah yang lebih baik sejurus melahirkan individu dan masyarakat yang beretika.

Kesan yang pertama jika kita dapat mengamalkan kehidupan yang sejahtera adalah ia boleh menjamin kestabilan emosi. Emosi memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan kita kerana emosi boleh menentukan perilaku dan gerak geri dalam setiap perkara yang kita lakukan. Kestabilan emosi membantu kita untuk berkomunikasi dengan individu lain dengan cara yang baik melalui ekspresi wajah mahupun cara kita bertutur. Selain itu, kestabilan emosi juga berpotensi untuk memupuk kesepaduan dalam manusia yang pelbagai agama, bangsa dan budaya. Hal ini kerana, emosi bersifat menyeluruh yang merangkumi pelbagai aspek seperti empati, belas kasihan, kerjasama dan juga kemaafan.

Selain itu, dengan kehidupan yang sejahtera, kita juga dapat mengeratkan silaturrahim sesama manusia tanpa mengira kaum, bangsa mahupun agama. Negara kita merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, maka ia sedikit sebanyak menjadi cabaran kepada kita sebagai masyarakat untuk membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu padu antara satu sama lain. Dengan adanya kehidupan yang sejahtera diterapkan dalam kehidupan setiap individu, isu perkauman yang memecah belahkan keamanan dan keharmonian dapat dielakkan selain dapat mengeratkan silaturrahimm sesama manusia di negara kita.



Rajah 1: Perpaduan antara kaum

Akhir sekali, kehidupan yang sejahtera dapat membentuk individu yang sentiasa berfikiran secara positif. Individu yang sentiasa berfikiran secara positif sentiasa bertumpu ke arah keupayaan dan bukanlah ketidakupayaan. Apabila kita berfikiran secara positif contohnya sentiasa melihat sudut yang positif orang lain, kita dapat mengurangkan perasaan buruk terhadap orang lain dan ia juga mampu menjaga kesihatan fizikal dan mental kita demi kesejahteraan hidup yang ingin dicapai. Dengan sentiasa berfikiran secara positif, kita dapat memperoleh pelbagai manfaat seperti hati sentiasa tenang, mudah disenangi dan dihormati dan mampu menjalankan kehidupan sosial yang baik antara masyarakat sekeliling.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dengan mempraktikkan dan mempertingkatkan cara-cara untuk mencapai kehidupan sejahtera, kita dapat hidup dalam keadaan yang lebih baik di samping dikelilingi oleh masyarakat yang prihatin tanpa mengira bangsa mahupun agama. Pelbagai inisiatif boleh dilakukan oleh setiap individu di negara ini demi mencapai objektif kehidupan yang sejahtera samada di dunia mahupun di akhirat.

Rujukan

Talib, Y.Y.A. (2017). *Pembedahan Robotik*. [online] HM Online. Available at: <https://www.hmetro.com.my/hati/2017/08/258470/pembedahan-robotik> [Accessed 25 Jan. 2021].

Marzuki, T. (2019). *UTM Kongsi Ilmu Cipta Baja Sisa Makanan*. [online] HM Online. Available at:

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/441983/utm-kongsi-ilmu-cipta-baja-sisa-makanan> [Accessed 25 Jan. 2021].